



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD3 (95)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI DARIPADA MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

20 April 2023 – Berlalu sudah sebulan Ramadan, kini menjelma Syawal yang mulia untuk diraikan. Setiap kali musim perayaan, kita semua meraikannya bersama-sama tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang.

Inilah keunikan masyarakat kita yang tidak ada di tempat lain. Keunikan ini jugalah menjadi daya tarikan pelancong yang mahu merasai serta menikmati keharmonian di bumi bertuah bernama Malaysia yang memiliki kepelbagaian perayaan, pakaian, makanan seni dan budaya.

Buat mereka yang akan pulang ke kampung halaman untuk meraikan Aidilfitri bersama insan tersayang, berhati-hati dalam pemanduan anda, jangan lupa untuk memeriksa dan menyelenggara kenderaan anda sebelum memulakan perjalanan. Sekiranya mengantuk, berhentilah seketika di tempat selamat, berehat atau tukar pemandu.

Manfaatkanlah perayaan yang datang setahun sekali ini untuk mengeratkan silaturrahim sesama ahli keluarga, saudara-mara dan sahabat handai.

Saya, Tiong King Sing sekeluarga, serta seluruh warga MOTAC mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin!

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac